



SEMPENA sambutan bersejarah ulang tahun ke-39 ASEAN, saya ingin mengambil kesempatan menyampaikan ucapan kepada semua rakyat Malaysia dan bagi pihak mereka juga kepada seluruh penduduk ASEAN. Mesaj saya pada tahun ini ditujukan terutama kepada belia Malaysia dan ASEAN, sejajar dengan tema sambutan kali ini 'Generasi Muda dan ASEAN'.

Belia menggambarkan harapan kita untuk masa depan yang lebih terjamin. Mereka membentuk satu segmen kritikal dalam pembinaan bangsa. Perkara ini turut diakui di peringkat global. Dalam beberapa hari lagi, dunia akan menyambut Hari Belia Antarabangsa yang jatuh pada 12 Ogos 2006. Di peringkat rantau ini, Malaysia akan menjadi hos sambutan Hari Belia ASEAN pada November depan.

Di negara ini, belia mewakili lebih 40 peratus daripada populasi. Ini memperlihatkan betapa penting kepada kerajaan untuk memberi penekanan kepada hal yang berkaitan pembinaan program belia yang boleh menyuburkan semangat dalam diri mereka. Dalam masa yang sama, menyemai jiwa mereka dengan nilai-nilai murni, yang mana telah diperkenalkan di sekolah-sekolah di peringkat kebangsaan dalam usaha membentuk mereka menjadi individu yang lebih terurus.

Inilah yang sangat saya harapkan agar generasi muda juga telah disiapkan dengan pengetahuan, kemahiran dan pemahaman yang diperlukan sebagai membantu mereka melibatkan diri dalam proses pembinaan bangsa. Perkara ini sebenarnya bersangkut-paut, kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum dan bangsa. Dalam hal ini, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) untuk generasi muda Malaysia yang berumur 18 tahun merupakan salah satu daripada program di peringkat kebangsaan.

Di peringkat ASEAN, saya juga ingin menggalakkan generasi muda berinteraksi dan bekerjasama antara satu sama lain melalui program belia yang dianjurkan di rantau ini. Saya percaya melalui program ini, mereka akan disemai dengan identiti ASEAN dan membina 'sifat kepunyaan' kepada Komuniti ASEAN yang mana setiap anggotanya terlibat.

Itu juga penting untuk mengingatkan diri kita sendiri mengenai kepentingan peranan ASEAN dalam usaha mempromosi keamanan dan kemakmuran rantau ini yang mana kita telah kecapi. Semua ini adalah hasil pandangan jauh dan kebijaksanaan pengasas ASEAN terdahulu dan juga keberkesanan kepimpinan serta komitmen pemimpin ASEAN yang lain. Aman tidak akan terjadi dengan peluang. Kita perlu bekerja keras untuk itu. Menjadi harapan saya agar Malaysia, terutama generasi muda mesti ingat bahawa keamanan perlu dilindungi dan sentiasa dibina. Bagi Malaysia, kekuatan ASEAN adalah cara ke arah keamanan dan kestabilan bagi negara dan rantau ini.

Masa depan Malaysia, dan juga masa depan ASEAN terletak di tangan generasi muda kita. Saya yakin bahawa generasi muda ASEAN yang telah dilengkapi dengan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai yang diperlukan, berupaya menempuh cabaran dalam pembentukan Komuniti ASEAN ini.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi,
Perdana Menteri Malaysia.

SEMPENA ASEAN menyambut hari ulang tahunnya yang ke-39 hari ini, saya ingin menyampaikan rasa gembira saya di upacara yang amat signifikan ini yang turut diraikan serentak oleh semua negara anggota ASEAN.

Untuk Hari ASEAN tahun ini, tema ASEAN dan Golongan Muda amat sesuai memandangkan lebih setengah daripada jumlah penduduk ASEAN terdiri daripada golongan muda.

Golongan ini akan mewakili generasi di masa akan datang di negara kita dan di peringkat serantau. Mereka adalah golongan yang akan meneruskan harapan dan wawasan para pemimpin ASEAN yang telah memberi komitmen kepada penubuhan Komuniti ASEAN menjelang 2020.

Negara anggota ASEAN sudah pastinya memberi tumpuan yang lebih terhadap kemajuan golongan muda.

Adalah penting golongan muda dibimbing dengan sempurna, diberi panduan di samping menyediakan persekitaran yang kondusif bagi membolehkan mereka menjadi kreatif, matang dan maju untuk menjadi warga negara yang konstruktif dan bakal menjadi pemimpin ASEAN.

Sekian lama Malaysia telah menyedari betapa perlunya untuk meningkatkan keprihatinan terhadap ASEAN di kalangan penduduk khusus golongan muda.

Selaras dengan konteks ini, kita telah menyediakan agenda yang menumpukan terhadap penduduk, dengan matlamat untuk membawa ASEAN kepada penduduk sepanjang Malaysia menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN ke-39 (ASC) antara Julai 2005 hingga Julai 2006. ASEAN telah meneruskan perjalanan yang jauh sejak ditubuhkan pada 1967.

Walaupun demikian, ASEAN turut mempunyai perjalanan yang jauh untuk diharungi.

Keprihatinan terhadap ASEAN terutama di kalangan golongan muda masih belum mencapai tahap yang memuaskan.

Kejayaan yang dicapai pada majlis penutup Mesyuarat Menteri Luar ASEAN ke-39/Persidangan Pasca Menteri/Forum Serantau ASEAN ke-13 baru-baru ini telah menambah kukuhkan komitmen ASEAN untuk merealisasikan Komuniti ASEAN.

Saya percaya dengan harapan tersebut kita mesti membuat persiapan untuk golongan muda menghadapi cabaran yang bakal mereka lalui dalam membina Komuniti tersebut.

Mereka perlu dilengkapi dengan ilmu yang diperlukan untuk menghadapi cabaran-cabaran tersebut.

Mereka perlu peka dan prihatin tentang kepelbagaian yang terdapat pada negara anggota ASEAN dari sudut pembangunan ekonomi, kebudayaan, kaum etnik, agama dan cara kehidupan.

Dalam masa yang sama, mereka juga perlu prihatin tentang kekuatan dan kedudukan ASEAN di peringkat dunia. Ini amat penting dan mesti disuntik ke dalam fikiran golongan muda ASEAN.

Dalam usaha Malaysia menuju kemajuan, golongan muda mesti bersedia untuk memainkan peranan dalam membina negara di samping membina Komuniti ASEAN.

Kejayaan kita akan diukur dari segi sejauh mana golongan muda kita sanggup mengekalkan identiti nasional dan dalam masa yang sama sentiasa mempunyai semangat ASEAN untuk muncul sama-sama dengan golongan muda dari negara-negara anggota ASEAN untuk membina satu Komuniti ASEAN dengan identiti ASEAN yang tersendiri.

Datuk Seri Syed Hamid Albar
Menteri Luar Malaysia

BEBERAPA tahun kebelakangan ini, ASEAN sibuk membincangkan mengenai agenda pembentukan komuniti.

Kita telah berusaha keras untuk memastikan matlamat Komuniti ASEAN terlaksana seperti yang disarankan oleh para pemimpin ASEAN pada persidangan Bali Concord II 2003.

Itu memerlukan suatu tindakan yang besar dan kita perlu faham dari mula bahawa kita memerlukan sokongan penuh penduduk ASEAN bagi memastikan kejayaan Komuniti ASEAN.

Untuk menjayakan pembinaan komuniti itu, kunci penyumbangannya adalah 60 peratus penduduk ASEAN yang mana bukan sahaja lahir sejajar dengan penubuhan ASEAN 39 tahun lalu tetapi juga generasi muda kita.

Golongan inilah yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan pentadbir ASEAN. Selama tiga setengah tahun bergelar Setiausaha Agung, merantau setiap ceruk rantau ini, saya dapati belia Asia Tenggara kurang memahami tentang apakah ASEAN malahan sukar untuk menamakan nama 10 negara yang menganggotainya.

Kebanyakan mereka tiada kesedaran tentang sejarah membanggakan rantau ini.

Keadaan ini mewujudkan jurang yang besar kepada generasi muda ASEAN namun saya optimis ia masih boleh diperbaiki. Par

Generasi muda dan ASEAN telah dipilih untuk tema sambutan Hari ASEAN tahun ini.

Ini membuktikan bahawa ASEAN berusaha untuk menutupi jurang ini.

Generasi muda harus mengenali ASEAN untuk semangat, komitmen dan bakat mereka yang boleh menuju ke arah pembentukan Komuniti ASEAN.

Untuk mencapai hasrat ini, ASEAN perlu bergerak seiring dengan mereka.

Ini bagi menguatkan Komuniti ASEAN, seterusnya meningkatkan nilai nama komuniti itu.

Dan sekali gus, jenama ASEAN boleh membantu mereka apabila ingin meneroka dunia luar bagi memenuhi hasrat, sama ada dalam kerajaan, perniagaan atau yang sektor yang tiada kepentingan.

Lebih spesifik lagi, ASEAN selepas beberapa tahun, cuba untuk menyemai identiti rantau ini yang kuat di kalangan generasi muda dan memperlihatkan kepada mereka bagaimana ASEAN boleh menjayakan hidup mereka.

Generasi muda perlu ada inisiatif tinggi untuk melibatkan diri melalui program seperti Kem Belia ASEAN, Program Kampus Pertukaran Wartawan ASEAN, Anugerah Hari Belia ASEAN, sesi berinteraksi dengan menteri-menteri teknologi informasi dan komunikasi ASEAN serta beberapa program belia dengan Rakan Dialog ASEAN.

Terdapat banyak lagi aktiviti lain yang akan dijalankan.

Kami berharap, mesaj Hari ASEAN kali ini adalah untuk menyampaikan kepada generasi muda bahawa ASEAN bukan sahaja dimiliki oleh mereka yang menubuh dan membawanya kepada apa yang ada hari ini.

ASEAN, terutamanya masa depan gabungan itu sendiri, juga milik generasi muda kita.

Ong Keng Yong
Setiausaha Agung ASEAN

ASEAN kini berkembang kepada 10 negara

Oleh MUSTAFA KAMAL BASRI

PADA 8 Ogos, 1967, Menteri Luar dari lima negara Asia Tenggara - Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand, telah mengadakan perbincangan di Dewan Utama bangunan Jabatan Hal Ehwal Luar Thailand di Bangkok dan menandatangani satu dokumen.

Dengan menandatangani dokumen itu maka terbentuklah Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).

Lima Menteri Luar yang menandatangani dokumen itu ialah Adam Malik (Indonesia), Narciso R. Ramos (Filipina), Tun Abdul Razak (Malaysia), S Rajaratnam (Singapura) dan Thanat Khoman (Thailand).

Dokumen yang mereka tandatangan itu kemudian dikenali sebagai Deklarasi ASEAN. Ia juga dikenali sebagai Deklarasi Bangkok.

Deklarasi itu merupakan dokumen yang ringkas mengandungi lima perkara. Ia mengisytiharkan tentang pembentukan sebuah Pertubuhan bagi Kerjasama Serantau di kalangan negara-negara Asia Tenggara yang dikenali sebagai Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan menghuraikan matlamat dan tujuan pertubuhan berkenaan.

Matlamat dan tujuan itu ialah mengenai kerjasama dalam bidang ekonomi, sosial,

budaya, teknikal, pendidikan, dan bidang-bidang lain, dan memupuk keamanan dan kestabilan serantau dengan mematuhi prinsip-prinsip keadilan dan undang-undang serta prinsip-prinsip yang terkandung dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Ia menjelaskan bahawa pertubuhan itu terbuka kepada penyertaan oleh semua negara dalam rantau Asia Tenggara yang bersedia mematuhi matlamat, prinsip-prinsip dan tujuan penubuhan ASEAN.

Ia menubuhkan ASEAN sebagai mewakili "semangat setia kawan negara-negara dalam Asia Tenggara untuk bersama-sama menjalin persahabatan dan kerjasama melalui usaha bersama, pengorbanan, menjamin rakyatnya menikmati keamanan, kebebasan dan kemajuan.

Deklarasi Bangkok setebal dua muka itu bukan sahaja menjelaskan rasional penubuhan ASEAN tetapi juga menghuraikan objektif-objektif khusus pertubuhan tersebut.

Ia mewakili cara beroperasi membina pertubuhan itu dari langkah yang kecil secara sukarela dan perjanjian-perjanjian kepada sebuah pertubuhan yang lebih bersatu dan perjanjian-perjanjian yang formal.

Semua negara-negara yang asas dan ahli-ahli baru cepat menghayati semangat yang terkandung dalam deklarasi Bang-

kok.

Beberapa tahun selepas itu, ASEAN telah berkembang secara progresif menyertai beberapa instrumen, dan perjanjian yang diiktiraf undang-undang seperti Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama 1976 di Asia Tenggara dan perjanjian mengenai zon bebas senjata nuklear Asia Tenggara tahun 1995.

Walaupun berlaku konflik di Indo-china, pengasas ASEAN pada masa itu berpandangan jauh yakin dapat membina sebuah komuniti di rantau Asia Tenggara yang sanggup menerima matlamat, prinsip dan tujuan "Pandangan melihat kedalam ASEAN telah merintis jalan ke arah pembinaan komuniti bukan sahaja di Asia Tenggara tetapi juga di sempadan rantau Asia Pasifik.

Logo asal ASEAN mengandungi lima daun padi berwarna coklat, satu bagi setiap negara pengasas. Di bawah daun itu ada garisan biru melambangkan legenda ASEAN. Warna coklat melambangkan kekuatan dan kestabilan, kuning melambangkan kemajuan dan biru melambangkan semangat setiakawan ASEAN.

Apabila ASEAN menyambut ulang tahun ke-30 pada 1997, daun padi itu telah bertambah menjadi 10 - melambangkan bilangan anggota ASEAN telah bertambah.

NEGARA-NEGARA ANGGOTA ASEAN



PENGASAS



Thailand



Malaysia



Indonesia



Filipina



Singapura

ANGGOTA PENUH ASEAN



Thailand



Malaysia



Indonesia



Filipina



Singapura



Kemboja



Myanmar



Brunei



Vietnam



Laos

NEGARA PEMERHATI



Timor Leste



Papua New Guinea

United, Resilient
grate ASEAN

THE HON. DATO' SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI
PRIME MINISTER OF MALAYSIA



HARI ASEAN 2006



MUKA 14

UTUSAN MALAYSIA SELASA 8 OGOS 2006

ASEAN dan rakan-rakan dialog



ABDULLAH Ahmad Badawi tiba sambil diiringi Syed Hamid Albar pada majlis perasmian Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN ke-39 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur [KLCC] baru-baru ini.

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN

Sejak kelahirannya 39 tahun lalu, ASEAN yang merangkumi 10 negara kini didampingi 16 rakan dialog.

Dalam tahun 1992, ASEAN mengumumkan hasratnya mengukuhkan dialog eksternalnya dalam hal-hal politik dan keselamatan sebagai kaedah membina jalinan kerjasama di rantau itu.

Ita disusuli dengan penubuhan Forum Serantau ASEAN (ARF) dua tahun kemudian.

Ita berperanan mempromosikan pembinaan keyakinan, diplomasi pencegahan dan penyelesaian konflik di dalam rantau.

Anggotanya terdiri daripada Australia, Kanada, Kesatuan Eropah (EU), New Zealand, Amerika Syarikat (AS), Rusia, Papua New Guinea, Timor Leste, Pakistan dan Korea Utara.

Turut serta, Mongolia, Bangladesh, Jepun, China, Korea Selatan dan India.

Melalui dialog politik dan pembinaan keyakinan, tidak pernah tercetus sebaran ketegangan yang membuah konfrontasi bersenjata antara negara-negara anggota itu sejak penubuhannya tiga dekad yang lalu.

Visi ASEAN 2020 mengesahkan bahawa ASEAN yang berpandangan luar memainkan peranan utama dalam masyarakat antarabangsa dan memperjuangkan kepentingan bersama ASEAN.

ASEAN telah membuah pencapaian besar dalam membina jalinan kerjasama dengan negara-negara di rantau Asia Pasifik dan akan terus memberi-

kannya keutamaan tinggi.

Kerjasama bersama negara-negara Timur Asia dirancarkan dengan penganjuran dialog tahunan antara para pemimpin ASEAN, China, Jepun dan Republik Korea atau lebih dikenali sebagai ASEAN+3.

Dalam tahun 1997, satu kenyataan bersama oleh ASEAN dan setiap negara itu telah ditandatangani untuk mewujudkan rangka kerja kerjasama dalam abad ke-21.

Pada November 1999, kesemua pemimpin itu telah mengeluarkan kenyataan bersama mengenai kerjasama Asia Timur yang menggariskan bidang kerjasama sesama mereka.

Sidang Kemuncak ASEAN pada tahun 1992 memberi mandat bahawa ASEAN sebagai sebahagian daripada dunia yang semakin bergantung antara satu sama lain perlu meningkatkan hubungan kerjasama dengan rakan-rakan dialognya.

Rundingan antara ASEAN dan rakan-rakan dialognya diadakan di peringkat Menteri Luar setiap tahun.

Mereka terdiri daripada Australia, Kanada, China, EU, India, Jepun, Korea, New Zealand, AS dan Rusia yang bertemu pada Mesyuarat Pasca Menteri (PMC).

Sejajar dengan hasratnya untuk meningkatkan kerjasama dengan rantau membangun, ASEAN turut mengekalkan hubungan dengan pertubuhan inter-kerajaan lain seperti Pertubuhan Kerjasama Ekonomi, Kumpulan Rio dan Forum Pasifik Selatan.

Kebanyakan negara anggota ASEAN turut menyertai aktiviti-aktiviti Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) dan Forum Asia Timur-Latin Amerika secara aktif.

Bagi menyokong hubungan eksternal ASEAN, ia telah menubuhkan jawatankuasa yang terdiri daripada ketua-ketua misi diplomatik di Brussels, London, Paris, Washington D.C., Tokyo, Canberra, Ottawa, Wellington, Geneva, Seoul, New Delhi, New York, Beijing, Moscow dan Islamabad.

Keperluan dan kepentingan adanya rakan-rakan dialog ini jelas terbukti pada Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) yang berlangsung bulan lalu di Kuala Lumpur.

Selain isu pendemokrasian Myanmar yang sekian lama menjejaskan imej ASEAN, Menteri-Menteri Luar kesemua negara tersebut turut berhadapan dengan isu ujian peluru berpandu Korea Utara dan krisis di Asia Barat.

Tahniah

asean



sempena

Ulang Tahun ke 39

daripada



Maybank

Tujuan mereka meneliti isu-isu itu bukannya untuk campur tangan tetapi bagi membantu dalam menyelesaikannya secara bersama.

Bagi isu Korea Utara, perkumpulan itu sepakat menggerakkan rakan-rakan dialog mereka melalui pengembalian kepada rundingan enam pihak.

Meskipun dihadapi keengganan negara itu menyertai rundingan tersebut, mereka tetap berusaha dengan mengadakan rundingan sepuluh pihak demi memelihara kepentingan keamanan serantau.

Bagi konflik Asia Barat, AS yang buat pertama kali dihadiri Setiausaha Negaranya, Condoleezza Rice, dikenakan gesaan agar gencatan senjata dilakukan serta-merta di Lebanon dan Palestin.

Gesaan itu gagal membawa hasil namun kesungguhan ASEAN dan rakan-rakan dialognya, mengutuk kejadian itu memberikan isyarat yang jelas kepada dunia.

AMM tidak setakat 'dihias' kelemahan itu tetapi diiringi pelbagai kejayaan dalam usaha mewujudkan dunia yang aman, damai dan selamat.

Satu daripadanya adalah pembentukan Pelan Tindakan bagi Melaksanakan Peningkatan Kerjasama ASEAN-AS yang ditandatangani pada 27 Julai 2006.

Pelan tindakan itu melibatkan kerjasama di dalam bidang politik dan keselamatan, ekonomi dan sosiopembangunan bagi lima tahun akan datang, mulai tahun depan, menggunakan perkembangan dalam dialog ASEAN-AS.

Pada PMC, rakan-rakan dialog mengiktiraf kedudukan ASEAN dan peranannya sebagai pemacu di dalam proses dialog yang dimulakannya.

Dalam hal ini, mereka menekankan kepentingan ASEAN memainkan peranan utama dalam evolusi reka bentuk rantau ini.

ASEAN pula berterima kasih atas sumbangan rakan-rakan dialognya dalam usaha pengurusan bencana serantau dan menggesa agar kerjasama dieratkan dalam bidang ini.

Mesyuarat itu turut bersetuju mempertingkatkan kerjasama antara ASEAN dan rakan-rakan dialog di dalam sektor sumber tenaga, termasuk menggalakkan kecekapan tenaga.

ARF pula mengeluarkan kenyataan berkenaan kerjasama dalam menangani serangan siber dan salah guna penganas di ruang siber.

Antara perancangan bagi tindakan bersama adalah penubuhan Pasukan Maklum Balas Insiden Keselamatan Komputer bagi membolehkan pertukaran masa nyata mengenai ancaman siber.

ARF turut bersuara mengenai pengurusan bencana dan maklum balas kecemasan yang melibatkan pengenalpastian dan pemantauan risiko, pengelakkan dan kesediaan bencana, maklum balas kecemasan serta pembinaan kapasiti.



ASEAN pacu pembangunan EAC

Oleh MARHAINI KAMARUDIN

KEPUTUSAN mempercepatkan sasaran integrasi Masyarakat ASEAN daripada 2020 kepada 2015 semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) di Kuala Lumpur akhir bulan lalu secara tidak langsung membayangkan bahawa matlamat pembentukan Komuniti Asia Timur (EAC) juga semakin menjadi kenyataan.

"Apa yang lebih penting ialah kita (menteri-menteri luar ASEAN) mampu menegaskan semula prinsip kesepaduan ASEAN dengan rakan dialog dalam semua proses dialog," kata Datuk Seri Syed Hamid Albar selaku Pengerusi AMM Ke-39.

Minat yang ditunjukkan oleh rakan-rakan dialog ASEAN dalam tempoh setahun Malaysia mempengerusikan gagasan rantau itu, untuk terus menjalin kerjasama dengan ASEAN telah menyumbang ke arah usaha pembinaan komuniti yang dicitakan itu.

Walaupun banyak pihak mempersoalkan kemampuan integrasi negara-negara Asia Timur sewaktu ASEAN + 3 mula diperkenalkan 10 tahun lalu, terutama dengan wujudnya hubungan dingin antara Jepun, China dan Korea Selatan, namun komitmen oleh 10 negara anggota bersama tiga rakan dialog gagasan rantau itu mencerminkan momentum yang tepat ke arah menjayakan

matlamat tersebut.

Dan dengan komitmen tiga negara besar itu termasuk China yang penyertaannya ke dalam Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) menimbulkan kekusaran kepada banyak pihak, tidak ada siapa yang mahu ketinggalan dalam proses pengwujudan komuniti itu.

Populasi rantau ini iaitu kira-kira 500 juta orang dengan keluaran negara kasar terkumpul sebanyak AS\$737 bilion dan jumlah dagangan AS\$720 bilion menjadikannya antara yang paling berkembang.

Tanpa ragu-ragu lagi dengan penyertaan China selaku gergasi Asia ke dalam gagasan Asia Timur di samping rakan dialog lain yang tidak kurang hebat, bakal mewujudkan satu komuniti perdagangan yang cukup sibuk dengan pasaran meluas yang mampu menjana pertumbuhan pesat dalam segala bidang.

ASEAN sendiri telah pun memainkan peranannya untuk menggerakkan matlamat pembinaan komuniti Asia Timur itu di trek yang betul.

Pemeteraian Perjanjian Rangka Kerja Visa ASEAN yang bakal menyaksikan pengecualian visa bagi menggalakkan lebih banyak hubungan antara penduduk menerusi pelancongan dan perjalanan dalam kalangan anggota pada mesyuarat di Kuala Lumpur yang baru lalu, merupakan antara langkah ke arah itu.

Dan kesediaan yang ditunjukkan oleh 10 negara anggota untuk bergerak dalam satu kerangka kerja undang-undang di bawah Piagam ASEAN yang akan dimuktamadkan oleh ketua-ketua kerajaan

pada sidang kemuncak di Filipina akhir tahun ini bakal menjadi satu anjakan besar untuk merealisasikan matlamat pembinaan masyarakat ASEAN dan seterusnya Komuniti Asia Timur.

Tempoh Malaysia menjadi pengerusi ASEAN, walaupun pendek adalah penting kerana ia juga merupakan pengerusi pertama Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) yang dianggotai oleh 10 negara ASEAN bersama China, Jepun, Korea Selatan, India, Australia dan New Zealand. Rusia telah pun diterima menjadi ahli pemerhati.

Relevan

Pada Sidang Kemuncak Asia Timur Kedua di Cebu pada November ini kelak, keputusan akan dibuat untuk menjadikan Rusia sebagai negara anggota.

Ketika dunia berdepan dengan pelbagai masalah khususnya kesan globalisasi melalui liberalisasi perdagangan dan masalah keganasan, EAS ini cukup relevan untuk membuat persiapan berdepan dengan cabaran itu, apatah lagi bagi mengimbangi tuntutan kehendak rantau sebelah sini.

AMM Ke-39 di Kuala Lumpur telah mennggariskan tiga sektor utama untuk diberi tumpuan bagi merealisasikan pembentukan EAC dengan lebih cepat.

Semua pemimpin ASEAN bersetuju bahawa program-program berkaitan politik dan keselamatan, ekonomi dan kewangan di samping isu-isu budaya dan pembangunan modal insan, perlu dilaksanakan oleh kerajaan negara anggota.

Menurut Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar sementara ASEAN+3 boleh menyumbang sepenuhnya ke arah pembentukan komuniti tersebut, China, Jepun dan Korea Selatan perlu memperluaskan kerjasama dan meningkatkan penglibatan mereka hingga ke tahap tertinggi.

Ilham yang bertitik tolak daripada cadangan pembentukan Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 1990, yang mendapat tentangan Washington dan tidak begitu disenangi Jepun, kini semakin menjadi realiti.

Namanya berbeza namun skopnya tetap sama iaitu bakal menyaksikan kerjasama ekonomi malah lebih baik lagi, meliputi pelbagai sektor kerjasama lain termasuk tenaga manusia, pendidikan dan sosiobudaya.

Ironiknya, banyak negara termasuk di luar rantau Asia Timur juga kini menunjukkan minat menganggotai EAC. Negara Australasia iaitu Australia dan New Zea-

land pun kini menganggotai Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS).

Paling menarik penyertaan dalam EAS akan berdasarkan kepada kriteria ASEAN iaitu: Menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (TAC) di Asia Tenggara; rakan dialog penuh ASEAN; dan mempunyai hubungan perdagangan yang besar dengan perubahan serantau itu.

Pemeteraian perjanjian pengecualian visa ASEAN mungkin boleh diperluaskan ke negara Asia Timur pula selepas ini bagi mempermudah urusan perniagaan dan hubungan antara penduduk.

Dengan komitmen politik ketua-ketua kerajaan, lebih banyak halangan kerjasama baik dari segi perdagangan, usaha memeringi jenayah dan keganasan serta ancaman penyakit yang merentasi sempadan negara dapat diatasi bersama.

Tidak mustahil pada masa akan datang, Asia Timur akan dilihat dan digeruni sebagai satu komuniti rantau sebagaimana dunia khususnya media melihat Kesatuan Eropah dan tidak lagi mengasing-asingkannya mengikut negara.


Andai kata selepas ini, isu program nuklear Korea Utara dan penyatuan Taiwan dengan Tanah Besar China dapat diselesaikan di bawah proses rundingan ASEAN, ia akan menjadi satu bonus yang akan mengukuhkan lagi kedudukan EAC sebagai gagasan baru dunia.

AMM cetus semangat 'ASEAN kita'

Oleh YULPISMAN ASLI

MESYUARAT Menteri-Menteri Luar Asean (AMM) kali ke-39 yang dianjurkan oleh Malaysia selaku Pengerusi serantau, di Kuala Lumpur baru-baru ini berakhir dengan kejayaan.

Walaupun dibayangi konflik Israel-Palestin yang menyaksikan bantahan di seluruh dunia, AMM berlangsung dalam suasana penuh muhibah dan semangat setia kawan yang menjadi pegangan ASEAN selama ini.



ASEAN selama ini. Malah, AMM juga telah berperanan sebagai 'pentas' bagi membantu menyelesaikan konflik senjata nuklear Korea Utara, dengan cuba menemukan enam pihak yang terlibat secara langsung dalam runtingan tersebut.

Ia disusuli Forum Rantau ASEAN (ARF) yang dihadiri oleh 27 rakan dialog ASEAN termasuk Amerika Syarikat yang diwakili oleh Setiausaha Negara, Condoleezza Rice.

Di peringkat, AMM, beberapa isu penting telah dibincangkan termasuk mewujudkan Rakan Pembangunan selari dengan Rakan Dialog ASEAN dan Rakan Dialog Sektor.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar ketika ditemui berkata, penglibatan anggota ASEAN dan rakan dialog dalam AMM kali ini cukup baik.

Malah katanya, perbincangan dua hala dan pelbagai hala yang diadakan sepanjang persidangan itu juga bukti ASEAN turut prihatin dengan isu-isu di peringkat antarabangsa.

"Perjalanan perbincangan adalah mantap, kita bincang bukan sahaja isu serantau tetapi juga antarabangsa. Dan ini saya fikir orang melihat keupayaan Malaysia mengatur mesyuarat ini," katanya.

Beliau turut melihat kejayaan AMM daripada segi kesungguhan untuk melibatkan ASEAN bergerak dalam satu langkah bagi merapatkan jurang antara negara anggota lama dan baru.

Kesepakatan dalam ASEAN itu penting bagi menjadikan rantau ini satu wilayah yang maju, moden dan progresif pada tahun 2020 melalui Program Tindakan Vientiane (VAP).

Kesungguhan bagi mencapai hasrat tersebut, katanya, boleh dilihat dari segi kerjasama serantau dalam bidang ekonomi, politik, sosial, budaya yang semakin mendalam dan juga ketenteraan yang suatu ketika dahulu begitu sensitif untuk dibincangkan.

Pada AMM kali ini, Menteri-Menteri Luar ASEAN turut menandatangani Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Mengenai Pengecualian Visa untuk mempercepatkan pembentukan Komuniti ASEAN menjelang 2020.

Justeru jelas Syed Hamid lagi, peranan AMM ialah untuk melahirkan semangat keASEANan supaya negara-negara gagasan itu menjadi satu kumpulan yang dapat bersaing di peringkat antarabangsa dalam semua bidang.

Langkah itu jelas beliau, akan membolehkan ASEAN dianggap sebagai satu pasaran dan juga peluang.

"Dan kita boleh berhadapan dengan cabaran-cabaran baru dari negara-negara yang baru muncul seperti India, China. Bila kita berhubung dengan India, China sebagai satu kumpulan, kita lebih berasa selamat dan kukuh," katanya.

Mesyuarat AMM kali ini juga turut memberikan perhatian kepada usaha merapatkan hubungan rakyat ASEAN dengan persetujuan dicapai supaya lebih banyak program kesedaran termasuk di peringkat sekolah diwujudkan.

Ini penting untuk meningkatkan kefahaman di kalangan kira-kira 550 juta penduduk di rantau ini yang terdiri daripada pelbagai etnik dan kepercayaan.

asean



sempena

Ulang Tahun ke 39

daripada



TENAGA NASIONAL

Penggerak Kemajuan Negara



Kejayaan ASEAN di bawah kepimpinan Malaysia

Oleh Mustafa Kamal Basri

SIDANG Kemuncak Asia Timur (EAS) yang diadakan di Kuala Lumpur, Disember lalu merupakan sumbangan terbesar Malaysia, sepanjang memimpin ASEAN hampir setahun yang lalu.

EAS pertama yang diadakan sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 itu bukan sahaja penting ke arah mewujudkan Komuniti Asia Timur (EAC) tetapi juga memperluaskan sayap ASEAN melangkah ke luar.

Dalam usia menjangkau 39 tahun pada 8 Ogos ini, EAS adalah manifestasi ASEAN memperluaskan sayap kerjasamanya melangkah ke luar hingga ke rantau Asia Pasifik.

Sidang Kemuncak ASEAN-Rusia pertama merupakan satu lagi kejayaan Malaysia dalam memimpin ASEAN.

Kejayaan kedua paling bermakna dicatatkan oleh ASEAN di bawah kepimpinan Malaysia ialah cadangan penubuhan Piagam ASEAN, yang dijangka dapat dilaksanakan tahun depan.

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 Disember lalu turut meluluskan penubuhan Kumpulan Tokoh-tokoh Terkemuka (EPG) bagi mengemukakan cadangan berhubung piagam itu.

EPG yang dipengerusikan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Musa Hitam dijangka akan membentangkan cadangan mereka pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-12 di Cebu, Disember ini, untuk disemak oleh sebuah Pasukan Petugas Peringkat Tertinggi, yang akan ditubuhkan sebelum ia diluluskan untuk diterima pakai.

Jika Piagam ASEAN menjadi realiti, ia akan mengukuhkan lagi kedudukan ASEAN sebagai pertubuhan yang berpengaruh dan dinamik bukan sahaja di rantau ini tetapi juga di peringkat global.

Pembentukan Piagam ASEAN itu juga akan dapat mengukuhkan lagi status ASEAN sebagai sebuah pertubuhan antara kerajaan yang lebih mantap berbanding kedudukannya yang longgar sekarang.

terutama kerjasama politik dan keselamatan, kerjasama ekonomi dan kerjasama sosiobudaya bertujuan menjadikan rantau ini kawasan yang aman, stabil dan maju.

Pada masa ini ASEAN mempunyai 27 rakan dialog melalui pelbagai forum termasuk dengan Jepun, China dan Korea Selatan melalui kerjasama ASEAN + 3.

ASEAN juga mengikat kerjasama dengan India dan Rusia melalui Sidang Kemuncak ASEAN-India dan Sidang Kemuncak ASEAN-Rusia.

Kesemua negara itu juga merupakan anggota Forum Rantau ASEAN (ARF).

ASEAN juga menjalin kerjasama melalui platform Persidangan Pasca Menteri-Menteri ASEAN (PMC) dengan enam rakan dialog.

ARF yang diadakan selepas berakhirnya PMC merupakan mesyuarat penutup tirai dalam kalendar ASEAN di bawah kepimpinan Malaysia.

ARF merupakan dialog tidak formal pelbagai hala di kalangan 27 negara anggota bagi menangani isu keselamatan di rantau Asia Pasifik.

ARF bertemu buat pertama kalinya pada 1994.

Anggotanya termasuk 10 negara anggota ASEAN, negara pemerhati Papua New Guinea, Timor Leste dan 14 rakan dialog ASEAN dengan penyertaan Bangladesh buat pertama kali tahun ini.

Permohonan Sri Lanka untuk menyertai ARF dijangka diluluskan pada ARF tahun depan.

Selain itu, ARF di Kuala Lumpur kali ini juga telah mencatat sejarah tersendiri bagi Malaysia dan juga ASEAN.

Kehadiran Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Condoleezza Rice pada ARF juga dilihat sangat signifikan bukan sahaja kerana ia merupakan pertama kali AS menyertai ARF setelah gagal berbuat demikian tiga kali sebelum itu, tetapi ASEAN juga berpeluang mendengar sendiri pendirian AS berhubung dasar luarnya serta peranannya dalam isu Palestin-Israel.

Perjanjian Bali iaitu Komuniti Keselamatan, Komuniti Ekonomi ASEAN dan Komuniti SosioBudaya ASEAN.

Kematangan ASEAN menangani isu dalaman terutama berhubung isu Myanmar sekali gus membuktikan kematangan ASEAN dalam mengekalkan solidariti dalam pertubuhan serantau itu.

Walaupun semua negara anggota melahirkan kebimbangan mereka terhadap sikap acuh tak acuh junta tentera Myanmar menangani isu demokrasi di negara berkenaan termasuk membebaskan pemimpin demokrasi Aung San Suu Kyi, ASEAN tetap bersedia memberi masa kepada Myanmar untuk memberi respons positif kepada saranan ASEAN.

Sejak Myanmar menjadi anggota ASEAN pada 1997, ASEAN secara berterusan telah meminta Myanmar mengadakan perubahan demokrasi di negaranya tetapi sehingga hari ini tidak banyak kemajuan yang dilakukan oleh Myanmar.

Pada AMM kali ini, ASEAN membuat pendirian serupa, akan bersama Myanmar bukannya memulaukan negara itu, setelah Myanmar sekali lagi memberi jaminan akan membuat perubahan berperingkat-peringkat melaksanakan desakan-desakan ASEAN terutama berhubung proses demokrasi di negara itu.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, ASEAN tidak boleh meminggirkan Myanmar walaupun ia mengambil tindakan yang perlahan untuk melaksanakan pembaharuan demokrasi yang disarankan oleh ASEAN.

Sekurang-kurangnya Myanmar menunjukkan sikap terbuka bersedia menerima pandangan ASEAN bersetuju membenarkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menghantar wakil melawat negara itu.

ASEAN juga membuat kemajuan dalam hubungannya dengan negara-negara anggota dan di kalangan negara di rantau ini termasuk negara pemerhati Timor Leste dan Papua New Guinea.

Walaupun kedua-dua negara itu masih belum diterima sebagai anggota tetap ASEAN, tetapi pertubuhan serantau itu mahu memperluaskan



Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 telah menitis beberapa perkara penting bagi ASEAN termasuk pembentukan Komuniti ASEAN dengan sasaran ke arah pembentukan Komuniti Asia Timur (EAC).

Piagam ASEAN akan menjadi perlembagaan bagi ASEAN dan Komuniti ASEAN pula menurus ke arah menjadikan ASEAN gabungan negara-negara yang membentuk negara super.

Kesatuan Eropah (EU) pada mulanya bermula sebagai Komuniti Ekonomi Eropah (EEC).

Pada peringkat serantau, ASEAN telah mencipta banyak kemajuan sejak ditubuhkan.

Sebagai pertubuhan serantau, ASEAN memperjuangkan matlamat menjadikan rantau Asia Tenggara kawasan aman, bebas dan berkecuali dengan berpegang kepada prinsip-prinsip Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Sejak itu, ASEAN yang mulanya ditubuhkan bertujuan memupuk kerjasama dan persefahaman serantau dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan, sosial dan budaya kini telah bergerak maju dan kini melangkah ke luar dengan pesat turut menjalin kerjasama dengan rakan-rakan dialog, terdiri daripada negara-negara di luar Asia Tenggara, termasuk dengan negara maju.

Pada Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) yang berlangsung dari 24 Julai hingga 26 Julai lepas, ASEAN turut meluluskan perjanjian penggunaan visa perjalanan bagi tempoh yang agak lama.

Ia bertujuan menggalakkan penduduk ASEAN melawat satu sama lain dan membangunkan industri pelancongan negara-negara anggota ASEAN.

Ia merupakan satu kemajuan yang membanggakan ke arah menjayakan pembentukan Komuniti ASEAN menjelang 2015, seperti yang digariskan dalam Perjanjian Bali II pada Okt 2003.

Menurut deklarasi itu sebuah Komuniti ASEAN akan dibentuk di atas tiga rukun

Kebeutulan pula, AMM, PMC dan ARF berlangsung di tengah-tengah kemuncak kemarahan masyarakat dunia, terutama dunia Islam terhadap tindakan tentera Zionis menyerang Genting Gaza dan Lebanon dan membunuh orang awam serta mengakibatkan kemusnahan besar di bumi Palestin dan Lebanon.

Menteri-Menteri Luar ASEAN sendiri mengeluarkan kenyataan berasingan mengutuk serangan rejim Zionis itu, sementara Menteri-Menteri Luar ASEAN mengeluarkan kenyataan bersama dan berasingan dengan rakan-rakan dialog dalam mesyuarat secara kolektif dan dua hala mengutuk serangan Israel itu dan menggesa diadakan gencatan senjata segera di Palestin dan Lebanon.

ASEAN telah menunjukkan kematangan sebagai pertubuhan serantau yang berwibawa dapat mengekalkan identitinya mengeluarkan kenyataan secara sepakat berhubung serangan Israel itu, walaupun ada pandangan berbeza dalam beberapa

ASEAN terus mencapai banyak kemajuan dalam usahanya merealisasikan agenda ke arah pembentukan Komuniti ASEAN seperti yang ditetapkan dalam Program Tindakan Vientiane (VAP), yang diluluskan semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-9 pada 2004.

ASEAN juga melangkah ke hadapan menandatangani Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Mengenai Pengecualian Visa bagi mempercepatkan proses itu. Perjanjian mengenai visa itu ditandatangani oleh kesemua negara pada AMM.

Ia merupakan sebahagian daripada komitmen Menteri-Menteri Luar ASEAN menjayakan agenda pembentukan Komuniti ASEAN ke arah mendekatkan penduduk serantau yang mempunyai 500 juta orang penduduk.

Menteri-Menteri Luar ASEAN turut memberi fokus ke atas tiga lagi gagasan penting dalam pelan tindakan yang diluluskan dalam

hubungan dengan kedua-dua negara itu dengan membenarkan Timor Leste dan Papua New Guinea melibatkan diri dalam aktiviti ASEAN secara sektoral.

AMM turut mengiktiraf hubungannya dalam konteks kerjasama ASEAN + 3 dengan mengadakan mesyuarat dengan menteri-menteri luar negara-negara berkenaan di luar mesyuarat PMC termasuk rundingan mengenai pembentukan EAC yang digerakkan pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 di sini Disember lalu.

Begitu juga AMM mengiktiraf hubungannya dalam konteks kerjasama Sidang Kemuncak ASEAN-Rusia dan memutuskan supaya sidang kemuncak itu diadakan setiap tahun.

Filipina akan menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN dijadual diadakan di Cebu pada Disember ini.

Filipina berjanji akan meneruskan agenda yang dibawa oleh Malaysia terutama dalam pembentukan Komuniti ASEAN dan penggubalan Piagam ASEAN yang mengandungi 23 rukun.

Dalam konteks EAS, ia merangkumi ASEAN, China, Jepun, Korea Selatan, India, Australia dan New Zealand.

Rusia menjadi pemerhati EAS dan permohonan untuk menyertainya akan diputuskan dalam EAS kedua di Cebu, Filipina sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-12.

Jika Rusia, menyertai EAS, maka EAC ini akan merangkumi "negara terbesar" di dunia.

Hasrat melahirkan EAC dan Kawasan Perdagangan Bebas Asia Timur (EAFTA) - dua projek mega EAS itu, dilihat dapat merealisasikan matlamat tersebut.

Penyertaan dalam EAS adalah berdasarkan kriteria ASEAN iaitu: Menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (TAC) di Asia Tenggara; rakan dialog penuh ASEAN; dan mempunyai hubungan perdagangan yang besar dengan pertubuhan serantau itu.



BARISAN pemimpin [depan] Timbalan Perdana Menteri Vietnam Pham Gia Khiem, Menteri Luar Thailand, Kantathi Suphamongkon, Menteri Luar Singapura George Yeo, Menteri Luar Myanmar, U Nyan Win dan Syed Hamid Albar melangkah masuk ke Dewan Plenari untuk Majlis Menandatangani Deklarasi ASEAN-Kanada Mengenai Kerjasama Memerangi Keganasan Antarabangsa sempena Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN Ke-39 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur baru-baru ini.

Sebanyak 86 peratus pelan tindakan ASEAN berjaya dilaksanakan

Oleh NORILA DAUD

MALAYSIA mengambil alih kepimpinan ASEAN daripada Laos pada 26 Julai 2005.

Selain hubungan dua hala antara negara anggota ASEAN, pertubuhan serantau itu turut menjalin hubungan persahabatan dengan Perancis dan Timor Leste melalui Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara (TAC).

Timor Leste masih merupakan negara pemerhati dalam ASEAN.

Turut menandatangani TAC ialah Kesatuan Eropah (EU). Australia merupakan negara pertama menandatangani perjanjian itu.

Sebagai tuan rumah banyak mesyuarat penting ASEAN dan rakan dialog telah berlangsung di negara ini.

Selain mesyuarat paling utama iaitu Sidang Kemuncak ASEAN Ke-10, Kuala Lumpur juga menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) Pertama.

Negara-negara yang terlibat pada Sidang Kemuncak EAS Pertama ialah Australia, China, India, Jepun, Korea dan New Zealand.

Sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-10 Disember lalu, Sidang Kemuncak ASEAN-Rusia Pertama, Sidang Kemuncak ASEAN-India Keempat, Sidang Kemuncak ASEAN-Korea Selatan Ke-9 dan

Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun Ke-9, serta Sidang Kemuncak ASEAN+3 Kesembilan, banyak program telah dirumus untuk dilaksanakan.

Sejurus sebanyak 86 peratus daripada program dan pelan tindakan ASEAN telah dilaksanakan semasa di bawah kepimpinan Malaysia.

Pada Deklarasi Kuala Lumpur sempena Sidang Kemuncak EAS Pertama itu, telah diputuskan bahawa proses ASEAN+3 akan kekal menjadi badan utama dengan ASEAN sebagai penggerak kepada pembangunan Komuniti Asia Timur (EAC).

Di bawah kepimpinan Malaysia, pertubuhan itu juga telah menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-PBB (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) pada 13 September 2005 di New York.

Pada sidang penting itu, telah dipersetujui kerjasama dijalinan dengan lebih meluas dengan penglibatan agensi pakar PBB dalam pembangunan komuniti termasuk menghapuskan kemiskinan dan mencapai matlamat kemajuan milinium, mengawal dan menghalang penyakit berjangkit, pengurusan bencana, isu transnasional, perdagangan, pelaburan, keamanan dan keselamatan.

Kuala Lumpur juga telah menjadi tuan rumah Mesyuarat Menteri Pertahanan ASEAN Pertama (ADMM) pada 8-9 Mei 2006, yang memberi sumbangan penting kepada pembentukan Komuniti Keselamatan ASEAN (ASC).

Bengkel kelima, Mekanisme Serantau mengenai Hak Asasi Manusia turut diadakan pada 29-30 Jun 2006 di Kuala Lumpur.

ASEAN akan memasukkan konsep hak asasi manusia ke dalam Piagam ASEAN yang sedang dirancang dan dibincangkan dengan mendalam oleh Kumpulan Tokoh Terkemuka (EPG).

Tabung Pembangunan ASEAN (ADF) juga bergerak maju dengan sumbangan dari India dan Australia serta Jepun melalui Tabung Integrasi Jepun-ASEAN (JAIF).

Pada peringkat mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) beberapa isu penting telah dibincang termasuk mewujudkan Rakan Pembangunan selari dengan Rakan Dialog ASEAN dan Rakan Dialog Sektoral.

ASEAN juga telah menandatangani Perjanjian Rangka Kerja dengan New Zealand bagi memperluaskan kerjasama (2006-2010).

ASEAN turut menandatangani Pelan kerja bagi Kerjasama ASEAN-Kanada bagi tempoh 2005-2007.

Badan tersebut turut menandatangani deklarasi bersama untuk memerangi keganasan peringkat antarabangsa bersama 10 rakan dialog ASEAN.

Ini berikutan perjanjian deklarasi bersama ASEAN-Kanada Untuk Memerangi Keganasan Antarabangsa yang ditandatangani oleh ASEAN-Kanada.

ASEAN yang bergerak maju selari dengan tema AMM tahun ini "Kesatuan, Ketahanan dan Integrasi ASEAN" sekali gus menggambarkan solidariti dan penyatuan fikiran dalam ASEAN ke arah menjayakan Komuniti ASEAN.

Dasar "Memakmurkan Jiran" yang diketengahkan oleh Malaysia juga telah dilaksanakan oleh ASEAN melalui pelbagai program bagi merapatkan jurang pembangunan, perbezaan sosioekonomi dan menghapuskan kemiskinan.

Pada peringkat Forum Rantau ASEAN (ARF) ke-13 pula ASEAN telah menandatangani empat dokumen iaitu:

EMPAT DOKUMEN ARF KE-13

- Kenyataan Kerjasama Memerangi Serangan Siber dan Penggunaan Siber oleh Penganas
- Kenyataan Pengurusan Bencana Alam dan Tindak Balas Kecemasan
- Kenyataan Menggalakkan Pendekatan Penduduk bagi Memerangi Keganasan
- Kenyataan Pengerusi ARF